

## PENAMATAN PERKHIDMATAN GO BY BANK ISLAM DAN WWW.BANKISLAM.BIZ

*Pelanggan digesa beralih ke BIMB Mobile dan BIMB Web bagi mengelakkan gangguan perkhidmatan*

**KUALA LUMPUR, Rabu, [4 Jun 2025]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) akan menamatkan versi terdahulu aplikasi perbankan mudah alih, GO by Bank Islam dan platform perbankan Internet [www.bankislam.biz](http://www.bankislam.biz) secara rasmi berkuat kuasa 28 Jun 2025.

Sejak pelancaran aplikasi perbankan mudah alih baharu, BIMB Mobile (BIMB Mobile) dan BIMB Web ([web.bimb.com](http://web.bimb.com)) pada November 2024, lebih 90% daripada pengguna sedia ada telah berhijrah ke platform perbankan digital terbaru tersebut.

Peralihan yang memberangsangkan ini telah mempercepat tarikh penamatkan perkhidmatan GO by Bank Islam dari 28 November 2025 kepada 28 Jun 2025, iaitu enam bulan lebih awal, sekali gus mengukuhkan komitmen Bank Islam dalam menyampaikan pengalaman perbankan yang lancar dan selamat. BIMB Mobile telah meraih penerimaan kukuh pengguna yang dicerminkan menerusi penarafan 4.8 di App Store, 4.7 di Google Play Store dan 4.0 di Huawei AppGallery.

Untuk memastikan akses lancar perkhidmatan perbankan digital, pelanggan digesa untuk beralih ke platform baharu dengan segera. Penyelesaian yang telah dinaik taraf ini menyediakan fungsi yang lebih baik, ciri-ciri keselamatan yang lebih kukuh termasuk log masuk biometrik dan pengesahan keselamatan transaksi serta antara muka intuitif, sekali gus mencerminkan komitmen Bank Islam terhadap inovasi digital dan perkhidmatan bertumpukan pelanggan.

Melalui beberapa sentuhan mudah, pelanggan dapat menguruskan perkhidmatan perbankan utama dengan lancar seperti semakan baki, pemindahan dana, pembayaran bil, transaksi QR DuitNow, bayaran zakat, penyelenggaraan Kad Debit-i serta Akaun Emas-i Bank Islam yang baharu diperkenalkan.

Untuk mempertingkatkan lagi penawaran digitalnya, Bank Islam akan memperkenalkan beberapa fungsi hebat dalam BIMB Mobile termasuk:

- **Pembayaran QR Rentas Sempadan:** membolehkan pembayaran berdasarkan QR di negara-negara terpilih.
- **Pendaftaran Lancar untuk Pelanggan Baharu:** membenarkan pembukaan dan pengaktifan akaun pelanggan tanpa perlu hadir ke cawangan Bank Islam.
- **Pemindahan Wang ke Luar Negara:** menawarkan perkhidmatan kiriman wang antarabangsa yang selamat dan mudah.
- **BIMB Mobile Lite:** permulaan literasi kewangan, memperkasa pelanggan muda yang natif digital untuk mengurus akaun mereka secara berdikari seawal usia 12 tahun.

Pelanggan GO by Bank Islam sedia ada atau pelanggan baharu Bank Islam boleh memuat turun BIMB Mobile melalui Apple App Store, Google Play Store atau Huawei AppGallery untuk menikmati pengalaman perbankan lebih baik. Aplikasi BIMB Mobile memerlukan sistem operasi minimum iOS 10 bagi pengguna iPhone dan Android 13 bagi pengguna Android untuk memastikan prestasi dan keselamatan yang optimum.

Untuk bantuan teknikal semasa proses migrasi, pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900 atau menghantar e-mel ke [contactcentre@bankislam.com.my](mailto:contactcentre@bankislam.com.my).

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.